

KERAJAAN AKAN TERUS LAKSANAKAN DASAR DEMOKRASI PEMILIKAN HARTA

JOHOR BAHRU 22 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan terus melaksanakan dasar demokrasi pemilikan harta untuk rakyat negara ini sebagaimana yang diamalkan sekarang. Beliau menegaskan bahawa dasar itu, tidak menyekat semua orang untuk mengumpul dan memiliki sebanyak mana harta jika mereka mampu dan rajin berusaha bagi mendapatkannya.

"Ini bermakna, kerajaan ingin melihat, semua rakyat memiliki harta, walau dalam bentuk apa sekalipun, tidak kira ia hanya sebetuk cincin, sekeping saham, tanah atau rumah," tambahnya.

Dasar ini, kata Perdana Menteri, adalah berbeza dengan amalan di negara - negara komunis dan sosialis yang menjadikan kerajaan sahaja sebagai pemilik harta sementara rakyatnya pula hanya sebagai penyewa. Bagaimanapun katanya, kerajaan menolak cadangan supaya dasar perumahan negara menentukan setiap rakyat memiliki rumah sendiri.

Menurutnya, dasar pemilikan rumah itu adalah bertentangan dengan dasar demokrasi pemilikan harta yang sedia ada.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan ini ketika berucap merasmikan majlis penyampaian hadiah pertandingan seni bina dan pembangunan rumah kos rendah, anjuran Kerajaan Johor di tapak rumah contoh, dekat Larkin, di sini hari ini.

Katanya, beliau terpaksa menjelaskan demikian, kerana masih terdapat ada orang yang tersalah faham terhadap maksud dasar demokrasi pemilikan harta dengan dasar perumahan negara yang diumumkan baru - baru ini. Menurut Perdana Menteri, adalah tidak dinafikan bahawa rumah adalah harta dan penting kepada semua orang. "Tetapi adalah mustahil kepada sesebuah kerajaan, di dunia ini yang berupaya menentukan setiap rakyat memiliki rumah sendiri.

"Apa yang kita boleh buat ialah hanya menentukan supaya setiap rakyat mempunyai harta di samping tempat perlindungan, tidak kira sama ada rumah itu milik sendiri, menyewa atau berkongsi tempat tinggal dengan keluarga," jelasnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, masalah yang mungkin timbul dan tidak dapat diatasi buat selamanya ialah apa akan jadi jika semua orang memiliki rumah sendiri dan ada di antaranya memiliki lebih dari dua atau 20 buah rumah dalam satu masa kerana mereka mampu.

"Sudah tentu banyak rumah kosong kerana tidak ada penyewanya," tambahnya.

Dalam hubungan ini katanya, adalah wajar, jika rumah - rumah flat dibina di kawasan bandar yang diketahui nilai harga tanahnya lebih tinggi supaya lebih ramai orang dapat tempat tinggal, daripada membina rumah kos rendah dan kurang penghuninya di kawasan yang sama.